

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]
TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan umlah projek dan perolehan (mengikut bilangan dan nilai) yang telah diluluskan secara rundingan terus bagi setiap Kementerian semasa tempoh darurat sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, tempoh darurat telah diperkenalkan oleh Kerajaan bagi menangani isu dan kesan pandemik wabak Covid-19. Dalam tempoh ini, Kementerian Kewangan juga turut berusaha untuk merencanakan aktiviti ekonomi melalui pengenalan beberapa strategi berkaitan perolehan/projek Kerajaan agar pelaksanaannya dapat dipercepatkan dan seterusnya mampu memberi kesan berganda kepada ekonomi negara.

2. Selaras dengan usaha untuk memastikan perolehan Kerajaan dapat dilaksanakan dengan segera di samping membuka lebih banyak peluang perolehan, Agensi Kerajaan dibenarkan untuk mepakej perolehan tahunan kepada pakej yang lebih kecil untuk dilaksanakan secara sebut harga atau undian (bagi perolehan kerja) berbanding tender. Had nilai perolehan kerja Kerajaan dinaikkan ke nilai ambang baharu seperti di bawah Pekeliling Perbendaharaan PP/PK2.2: Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2021 dan Surat Edaran

Kementerian Kewangan bertarikh 16 Februari 2021 mengenai had nilai lantikan terus bagi perolehan kerja untuk kontraktor Gred G1 dan G2.

3. Pada masa yang sama, pertimbangan pengecualian kaedah perolehan secara rundingan terus dibuat berdasarkan lima (5) kriteria iaitu melibatkan kesegeraan atas kepentingan awam, bagi maksud penyeragaman, satu punca bekalan/perkhidmatan (pembuat/pemegang francais), melibatkan keselamatan/strategik atau kontrak dengan syarikat pembuat Bumiputera sepertimana yang dinyatakan di bawah Pekeliling Perbendaharaan PP/PK7.15: Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus.

4. Semua permohonan yang dikemukakan akan dinilai dan diteliti secara menyeluruh daripada pelbagai aspek bagi memastikan kelulusan rundingan terus yang diberikan tetap melindungi kepentingan Kerajaan serta tidak menjejaskan kerancakan perkembangan ekonomi. Kerajaan juga melaksanakan *due diligence* yang sewajarnya bagi memastikan hanya projek yang benar-benar memenuhi kriteria tersebut boleh dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.